

KENYATAAN MEDIA

CIDB PERKENAL IMPACT: PROGRAM PENILAIAN DAN PERSIJILAN SISTEM IBS DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 17 Januari 2019 – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini melancarkan IMPACT, satu program penilaian dan pensijilan bagi Sistem Binaan Berindustri (IBS). Program IMPACT ini akan dilaksanakan berdasarkan standard yang dikeluarkan CIDB iaitu Construction Industry Standard, CIS 24:2018, Penilaian dan Pensijilan Pengeluar dan Produk IBS.

CIS 24:2018 merupakan satu pencapaian yang amat penting dalam usaha untuk memperkasakan ekosistem Sistem Binaan Berindustri (IBS) negara. Standard ini akan menjadi titik rujukan bagi memastikan kualiti komponen IBS mengikut standard yang telah ditetapkan melalui kaedah penilaian yang sistematik.

Program IMPACT adalah sistem bersifat holistik yang memberikan Verifikasi, Validasi, Pengujian dan Pensijilan produk dan komponen berkenaan dengan IBS mengikut standard yang ditetapkan oleh CIDB. Dengan pelaksanaan sistem baharu ini, produk-produk IBS yang dikeluarkan dijamin berkualiti tinggi menerusi pelbagai peringkat penilaian dokumen dan pemeriksaan produk.

“Proses ujian dan audit di bawah program IMPACT yang bersistematik dan terperinci ini berupaya membantu agensi pelaksana projek, pemaju, serta penggiat industri yang lain dapat mengenalpasti produk IBS yang berkualiti dan terjamin menerusi pensijilan yang diberikan,” kata Pengerusi CIDB Malaysia, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali di Majlis Pelancaran IMPACT.

Mengulas lanjut mengenai program tersebut, Tan Sri Dr Ir Ahmad Tajuddin Ali berkata pensijilan ini juga dilihat mampu meningkatkan keyakinan terhadap kualiti produk IBS dan nilai komersial produk berkenaan.

Penggunaan teknologi industri pembinaan moden, khususnya IBS, merupakan komponen utama dalam memacu produktiviti pembinaan di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan 2016-2020 (CITP). Program IMPACT akan memastikan peningkatan penggunaan sistem IBS dapat dilaksanakan dalam satu ekosistem yang sistematik, produktif dan konsisten.

CITP adalah sebuah program strategik sebahagian daripada strategi Rancangan Malaysia Ke11, bertujuan untuk mentransformasikan industri pembinaan ke arah berproduktiviti tinggi dan mampu bersaing di arena tempatan dan antarabangsa. CITP meletakkan sasaran untuk mencapai lebih dua kali ganda peningkatan kadar produktiviti sektor pembinaan kepada RM62,000 per kapita pekerja menjelang 2020, berbanding RM22,464 pada 2011.

Program IMPACT ini telah dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya Tuan Baru Bian. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Dato' Dr Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan dan Ketua Eksekutif CIDB Dato' Ir Ahmad 'Asri Abdul Hamid.

Sejak tahun 2008, kerajaan telah mewajibkan penggunaan IBS untuk projek-projek kerajaan bernilai RM10 juta dan ke atas dengan 70 skor IBS. Sementara itu, pada Januari 2018, kerajaan telah mengumumkan bahawa projek-projek swasta bernilai RM50 juta dan ke atas pula diwajibkan untuk menggunakan IBS dengan skor minima 50, menjelang 2020.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.cidb.gov.my

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi Korporat CIDB

Mansor Ahmad mansor@cidb.gov.my 03-40477021 / 012-3864997

Abdul Rakis Santa rakis@cidb.gov.my 03-40477018 / 012-6200360

NagaDDB Tribal

Kristine Yap kristine.yap@nagaddbtribal.com.my 017 – 333 3637

Putri Adlina putri.adlina@nagaddbtribal.com.my 013 – 357 9055